

PENILAIAN PELAKSANAAN POLISI KOKURIKULUM BERDASARKAN  
PENGURUSAN DAN PENCAPAIAN KOKURIKULUM  
SEKOLAH MENENGAH DI KUALA LUMPUR

ZALINA BINTI MOHD TAHIR

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PENILAIAN PELAKSANAAN POLISI KOKURIKULUM BERDASARKAN  
PENGURUSAN DAN PENCAPAIAN KOKURIKULUM  
SEKOLAH MENENGAH DI KUALA LUMPUR

ZALINA BINTI MOHD TAHIR

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan Ijazah  
Doktor Falsafah (Pengajian Polisi)

Sekolah Perdana Polisi Sains, Teknologi dan Inovasi  
Universiti Teknologi Malaysia

SEPTEMBER 2014

## DEDIKASI

*Buat Keluarga Tercinta*

Suami:

*Haji Abdul Rashid bin Abdul Majid*

Anak-anak:

*Muhammad Harris Idaham bin Abdul Rashid*

*Muhammad Farris Idaham bin Abdul Rashid*

*Dan Ingatan Kasih Sayang*

Ibu: *Hajah Kamariah binti Mohd Nor*

Arwah Ayah: *Haji Mohd Tahir bin Abdul Jalil*

Arwah Ibu Mentua: *Hajah Che Jah binti Shaik Mohamed ;dan  
semua adik-beradik tersayang.*

## PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah dan kurniaNya, telah memberi saya kekuatan dan semangat untuk menyiapkan penulisan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada Profesor Madya Dr. Norihan binti Abu Hassan selaku penyelia pertama yang sentiasa sedia meluangkan masa untuk memberi tunjuk ajar, bimbingan, pandangan dan kerjasama kepada saya dari peringkat permulaan merancang kajian hinggalah ke peringkat menyiapkan penulisan tesis ini. Terima kasih juga kepada Profesor Madya Dr. Nooraini binti Othman, selaku penyelia kedua, Dekan Sekolah Perdana dan kaki tangan Sekolah Perdana kerana telah memberi kerjasama yang baik sepanjang pengajian ini.

Ribuan terima kasih kepada rakan pelajar yang menjadi kumpulan pertama (penyelidikan) di Sekolah Perdana atas sokongan dan perkongsian idea terutama semasa sesi perbincangan dan pertemuan tidak formal kita. Pengalaman sepanjang pengajian bersama-sama mereka memberi kenangan yang sangat bermakna. Rakaman ucapan terima kasih juga diberikan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia kerana memberi peluang kepada saya untuk menjalankan kajian ini secara sepenuh masa.

Akhirnya, ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada suami, Haji Abdul Rashid bin Abdul Majid dan akan-anak Harris dan Farris kerana sentiasa mendoakan, memberi galakan dan sokongan sepanjang saya menjalankan kajian ini. Terima kasih kepada ibu dan ibu mentua atas doa yang berterusan untuk melihat kejayaan ini. Tidak lupa juga kepada adik beradik yang tidak jemu menggalakkan saya mengharungi pengajian ini sehingga ke akhirnya.

## ABSTRAK

Antara kemahiran yang penting dalam merealisasikan bidang kokurikulum sekolah menengah di negara ini adalah kemahiran pengurusan. Kajian ini merupakan kajian tinjauan bertujuan untuk mengukur kemahiran pengurusan kokurikulum yang dipertanggungjawabkan kepada guru penasihat di sekolah menengah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kajian ini secara spesifik melihat empat perkara utama dalam mengurus aktiviti kokurikulum iaitu ukuran tahap kemahiran merancang, melaksana, menilai dan usaha penambahbaikan. Sampel kajian terdiri daripada 412 orang guru penasihat kokurikulum sekolah menengah di Kuala Lumpur. Pemilihan sampel rawak mudah dilakukan memandangkan jumlah guru dan murid di sekolah menengah adalah besar. Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kuantitatif. Data dikumpul dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama. Dokumen polisi KPM berhubung aktiviti kokurikulum digunakan sebagai asas pembinaan instrumen pengurusan aktiviti kokurikulum di sekolah. Data dianalisis dengan menggunakan statistik SPSS versi 20.0 dan AMOS versi 18.0 bagi menjalankan proses analisis *Structural Equation Modeling* (SEM). Kesahihan dan kebolehpercayaan instrumen adalah pada tahap tinggi (0.934). Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhan tahap kemahiran pengurusan guru penasihat adalah Sederhana Tinggi (min=5.62 - 5.90) kecuali tahap kemahiran melaksanakan tugas berada pada tahap Sederhana (min=5.46). Didapati usaha penambahbaikan telah menyumbang kepada prestasi pencapaian sebenar guru penasihat. Selain itu, kemahiran melaksana guru penasihat lelaki didapati lebih berkesan daripada guru penasihat perempuan. Implikasi kajian merumuskan perlunya bimbingan dan pemantauan ke atas guru oleh pihak pentadbir sekolah serta pihak KPM secara berterusan bagi melahirkan guru yang mahir dalam bidang pengurusan kokurikulum.

## ABSTRACT

Some of the skills that are important in realizing the secondary school extracurricular areas of this country are managing skills. This research concerned the measurement of skills of extracurricular management and the responsibilities of the teacher advisor in the secondary school in accordance with the guidelines set by the Ministry of Education. The study specifically looks at the four key issues in managing extracurricular activities, namely the measurement of the level of performance skills to planning, implementing, evaluating and improving work efficiency. The sample consists of 412 secondary school extracurricular advisors in Kuala Lumpur. Simple random sampling selection was made considering the big number of teachers and pupils in secondary schools. This study adopted a quantitative method. Data were collected using a questionnaire as the main instrument. The Ministry of Education (MOE) policy documents on extracurricular activities are used as foundation for the questionnaire instruments. Data were analyzed using SPSS version 20.0 statistical and AMOS version 18.0 to conduct the process analysis of Structural Equation Modeling (SEM). Validity and reliability of the instrument was found to be at a high level (0.934). The results showed that the level of management skills of teacher advisor is Medium High (mean 5.62-5.90) except the task skill level is at Moderate (mean 5.46). It was evident that each skill improvement efforts have contributed to the effectiveness of management. In addition, the implementing skills of male teachers were more effective than female teachers. The implications of the study conclude the need for guidance and monitoring of teachers by the school administrators and the Ministry of Education in order to continue to produce skilled teachers in extracurricular management.

## ISI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>ISI KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xv
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xviii
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xx
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xxii
<b>1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	5
	1.3 Penyataan Masalah	7
	1.4 Objektif Kajian	9
	1.5 Persoalan Kajian	10
	1.6 Hipotesis Kajian	11
	1.7 Kerangka Konseptual Kajian	12
	1.8 Kepentingan Kajian	15
	1.9 Skop Kajian	17

1.10	Definisi Istilah dan Operasional	18
1.10.1	Tahap Kemahiran Pengurusan	18
1.10.1.1	Perancangan	19
1.10.1.2	Pelaksanaan	19
1.10.1.3	Penilaian	20
1.10.1.4	Usaha Penambahbaikan	21
1.10.1.5	Prestasi Pencapaian	21
1.10.2	Akta Pendidikan, Dasar Pendidikan Kebangsaan, Garis Panduan dan Surat Pekeliling	22
1.10.3	Pengurusan Kokurikulum	24
1.10.4	Aktiviti Kokurikulum	25
1.10.5	Guru Penasihat Kokurikulum	26
1.11	Penyusunan Tesis	28
1.12	Rumusan	28
<b>2</b>	<b>TINJAUAN LITERATUR</b>	<b>30</b>
2.1	Pendahuluan	30
2.2	Asas Penilaian Inovasi Pendidikan	30
2.3	Model Penilaian Berorientasikan Pengurusan	32
2.3.1	Model Penilaian <i>CIPP</i>	33
2.3.1.1	Konteks (Context)	34
2.3.1.2	<i>Input</i>	35
2.3.1.3	Proses (Process)	35
2.3.1.4	Produk (Outcome)	35
2.3.2	Model <i>CQI</i> – W. Edward Deming (1982;2000)	36
2.3.3	Model Joseph M. Juran (1989)	38



2.3.4	Model <i>Total Quality School</i> (1995)	39
2.3.5	Model Huitt (1995)	41
2.4	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) (2003;2010)	42
2.5	Pengurusan Kualiti Menyeluruh Dalam Pendidikan	44
2.6	Konsep Kualiti Dalam Pengurusan	47
2.6.1	Kualiti Dalam Pengurusan Industri Perkhidmatan	48
2.6.2	Kualiti Dalam Pengurusan dan Kepimpinan	50
2.6.3	Kualiti Pengurusan Dalam Perkhidmatan Guru	52
2.7	Prinsip Pelaksanaan Aktiviti Kokurikulum	60
2.8	Konsep Peranan	63
2.8.1	Peranan Guru Penasihat Kokurikulum	64
2.8.2	Peranan Murid	66
2.8.2.1	Teori Penglibatan Astin (1984)	68
2.8.2.2	Teori Pembangunan Psikologi <i>Chickering</i> (1969)	69
2.9	Dokumen Berhubung Pengurusan Aktiviti Kokurikulum	72
2.9.1	Dokumen Berhubung Aktiviti Kokurikulum	73
2.9.1.1	Ordinan Pelajaran	75
2.9.1.2	Penyata Razak (1956)	76
2.9.1.3	Laporan Abdul Rahman Talib (1960)	78
2.9.1.4	Warta Kerajaan (1967/1998)	78
2.9.1.5	Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979)	80
2.9.1.6	Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1988)	81
2.9.1.7	Akta Pendidikan Kebangsaan (1996)- Undang-Undang Malaysia (Akta 550)	82

2.9.1.8	Dasar Pendidikan Kebangsaan (1996)	84
2.9.1.9	Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI)	84
2.9.1.10	Dokumen Buku Panduan Pengurusan Profesional Sekolah Menengah (1993 Bil.II)	88
2.9.1.11	Buku Panduan Pengurusan Kokurikulum KPM (2009)	89
2.9.2.12	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025	92
2.10	Dapatan Kajian Lepas - Pengurusan Aktiviti Kokurikulum	94
2.11	Rumusan	100
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>102</b>
3.1	Pendahuluan	102
3.2	Reka Bentuk Kajian	102
3.3	Metod Analisis Kajian	105
3.4	Populasi Sampel Kajian	108
3.4.1	Responden Soal Selidik	110
3.5	Alat Ukur Kajian	111
3.5.1	Instrumen Soal Selidik	111
3.5.1.1	Bahagian A - Profil Demografi Guru	112
3.5.1.2	Bahagian B - Penglibatan dan Pencapaian Guru	113
3.5.1.3	Bahagian C - Kemahiran Guru Dalam Pengurusan Kokurikulum	113
3.5.1.4	Bahagian D - Pandangan Guru	114
3.5.2	Analisis Dokumen	115
3.5.3	Skala Pengukuran	115

3.6	Kesahan Instrumen Kajian	117
3.6.1	Kesahan Asas	117
3.6.2	Kesahan Isi Kandungan	118
3.6.3	Kesahan Konstruk	119
3.7	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	119
3.8	Kajian Rintis	120
3.8.1	Ujian Awal	121
3.8.2	Kajian Rintis Sebenar	121
3.8.3	Analisis Data Konstruk Kemahiran Pengurusan	126
3.8.3.1	<i>Exploratory Factor Analysis</i> (EFA)	127
3.8.3.1.1	Konstruk Kemahiran Perancangan	128
3.8.3.1.2	Konstruk Kemahiran Pelaksanaan	128
3.8.3.1.3	Konstruk Kemahiran Penilaian	129
3.8.3.1.4	Konstruk Usaha Penambahbaikan	129
3.8.3.2	<i>Confirmatory Factor Analysis</i> (CFA)	130
3.8.3.3	Pengukuran Kesahan Konstruk	131
3.8.3.4	<i>Structural Equation Modeling</i> (SEM)	131
3.9	Moderator	133
3.10	Tatacara Pengedaran Dan Pemerolehan Data	136
3.11	Rumusan	137
<b>4</b>	<b>ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN</b>	<b>138</b>
4.1	Pendahuluan	138
4.2	Semakan Kemasukan Data	139
4.2.1	Pembersihan Data	139
4.2.2	Ujian Andaian	140

4.2.2.1	<i>Multivariate Normality</i>	141
4.2.2.2.	<i>Linearity</i>	142
4.2.2.3	Pemerhatian Bebas	143
4.3	Analisis Profil Demografi Responden	143
4.3.1	Latar Belakang Responden	144
4.3.2	Data Asas Penglibatan Responden	146
4.4	Analisis Statistik Deskriptif Konstruk	151
4.5	Tahap Pencapaian Pengurusan Responden Mengikut Pengukuran SKPM	159
4.6	Pembinaan Profil Konstruk Pengukuran Kokurikulum	161
4.6.1	Konstruk Perancangan	163
4.6.2	Konstruk Pelaksanaan	165
4.6.3	Konstruk Penilaian	166
4.6.4	Konstru Penambahbaikan	167
4.7	Kesahan Konstruk Dengan CFA	169
4.7.1	<i>Confirmatory Factor Analysis (CFA) Dengan Measurement Model</i>	170
4.7.1.1	<i>Hypothesized Model</i> Bagi Konstruk Perancangan	171
4.7.1.2	<i>Revised Model</i> Bagi Konstruk Perancangan	172
4.7.1.3	<i>Hypothesized Measurement Model</i> Pembolehkan Bebas	174
4.7.2	Penilaian Terhadap Kesahan dan Kebolehpercayaan Konstruk	179
4.7.2.1	<i>Unidimensionality</i>	180
4.7.2.2	Kesahan	181
4.7.2.3	Kebolehpercayaan	183

4.8	<i>Structural Equation Model (SEM)</i>	183
4.8.1	Analisis Model <i>SEM</i>	184
4.8.2	Kesan Sebab Akibat ( <i>causal effect</i> )	186
4.9	Analisis Pembolehubah Moderator	190
4.9.1	Moderator Responden Lelaki	191
4.9.2	Moderator Responden Perempuan	193
4.9.3	Jenis Moderator Kajian	196
4.10	Pandangan Terhadap Pengurusan Kokurikulum Sekolah	199
4.10.1	Pandangan Guru Penasihat (Soal selidik)	199
4.11	Rumusan Dapatan Kajian	201
<b>5</b>	<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	<b>202</b>
5.1	Pendahuluan	202
5.2	Rumusan Dapatan	202
5.3	Perbincangan Hasil Dapatan Kajian	204
5.3.1	Dapatan Konstruk Kemahiran	205
5.3.1.1	Kemahiran Perancangan	205
5.3.1.2	Kemahiran Pelaksanaan	206
5.3.1.3	Kemahiran Penilaian	208
5.3.1.4	Usaha Penambahbaikan	209
5.3.2	Kesan Sebab dan Akibat ( <i>causal effect</i> )	209
5.4	Analisis Kekuatan dan Kelemahan Pengurusan Kokurikulum	211
5.4.1	Kekuatan	211
5.4.2	Kelemahan	212
5.5	Implikasi Dapatan Kajian	214

5.6	Cadangan Penambahbaikan Pengurusan Kokurikulum	217
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	220
5.8	Penutup	221
<b>RUJUKAN</b>		<b>223</b>
Lampiran A - G		<b>246-275</b>

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	PERKARA	MUKA SURAT
2.1	Dimensi Dan Elemen Dalam SKPM	43
2.2	Lima Standard Dalam SKPM 2010	44
2.3	Dokumen Polisi Yang Dikaji	74
2.4	Peruntukan Masa Aktiviti Kokurikulum	79
3.1	Ciri-ciri Asas Pemilihan Sampel	110
3.2	Nilai Kebolehpercayaaan dan Bilangan Item Dalam Setiap Konstruk	114
3.3	Pembahagian Item Dalam Soal selidik	114
3.4	Skala Pengukuran Tahap Kemahiran Pengurusan	116
3.5	Bilangan Responden Untuk Kajian Rintis Dari Setiap Zon	122
3.6	Rumusan Data Demografi Responden Kajian Rintis	123
3.7	Rumusan Penglibatan dan Pencapaian Responden Dalam Kajian Rintis	125
3.8	Analisis Kebolehpercayaan Kajian Rintis	126
3.9	Model Diagnostik Dalam Proses <i>CFA</i>	131
3.10	Kategori Indeks Kesesuaian (Fitness Indexes)	133
4.1	Ringkasan Data Yang Diproses	140
4.2	Ujian <i>Skewness</i> , <i>Kurtosis</i> dan <i>Kolmogorov-Smirnov</i> Terhadap Pembolehubah <i>Endogenous</i>	142
4.3	Statistik <i>Collinearity</i>	143

4.4	Latar Belakang Responden	145
4.5	Data Asas Penglibatan Responden	148
4.6	<i>Cross-tabulation</i> Jantina*Pengalaman Menghadiri Kursus	149
4.7	Kesan Saiz Pengukuran	150
4.8	Rumusan Keputusan <i>Cross-tabulation</i>	150
4.9	Min dan Sisihan Piawai Item Kemahiran Perancangan	152
4.10	Min dan Sisihan Piawai Item Kemahiran Pelaksanaan	154
4.11	Min dan Sisihan Piawai Item Kemahiran Penilaian	155
4.12	Min dan Sisihan Piawai Item Kemahiran Penambahbaikan	157
4.13	Rumusan Tahap Kemahiran Bagi Setiap Konstruk Pembolehubah Bebas	158
4.14	Nilai Min dan Sisihan Piawai Prestasi Pencapaian	159
4.15	Rumusan Keseluruhan Tahap Pengukuran SKPM	161
4.16	KMO dan Ujian <i>Bartlett</i>	163
4.17	<i>Eigenvalues</i> dan Peratus Varian bagi Konstruk Perancangan	163
4.18	<i>Rotated Component Matrix</i> Bagi Konstruk Perancangan	164
4.19	<i>Eigenvalues</i> dan Peratus Varian bagi Konstruk Pelaksanaan	165
4.20	<i>Rotated Component Matrix</i> Bagi Konstruk Pelaksanaan	166
4.21	<i>Eigenvalues</i> dan Peratus Varian bagi Konstruk Penilaian	166
4.22	<i>Rotated Component Matrix</i> Bagi Konstruk Penilaian	167
4.23	<i>Eigenvalues</i> dan Peratus Varian bagi Konstruk Penambahbaikan	168
4.24	<i>Rotated Component Matrix</i> Bagi Konstruk Penambahbaikan	169
4.25	Konstruk dan Dimensi	170
4.26	Nilai Item Yang Berhubung Rapat	173
4.27	Nilai <i>Modification Indices</i>	177
4.28	Nilai <i>Regression Weight</i> Bagi Setiap Item Dalam Konstruk	179



4.29	Faktor <i>Loading</i> dan Indeks <i>Coefficient Alpha</i>	180
4.30	Rumusan Kesahan dan Kebolehpercayaan Model	182
4.31	Kesahan <i>Discriminant</i>	183
4.32	Ujian Hipotesis Terhadap Kesan Sebab Akibat	189
4.33	Rumusan Ujian Hipotesis	189
4.34	Nilai <i>Chi-square</i> dan <i>DF</i> Bagi Model <i>Constrained</i> (Lelaki)	192
4.35	Nilai <i>Chi-square</i> dan <i>DF</i> Bagi Model <i>Unconstrained</i> (Lelaki)	193
4.36	Rumusan Pengaruh Moderator Responden Lelaki	193
4.37	<i>Chi-square</i> dan <i>DF</i> Bagi Model <i>Constrained</i> (Perempuan)	195
4.38	<i>Chi-square</i> dan <i>DF</i> Bagi Model <i>UnConstrained</i> (Perempuan)	196
4.39	Rumusan Pengaruh Moderator Responden Perempuan	196
4.40	Kesan PL Terhadap PP Bagi Responden Lelaki	198
4.41	Kesan PL Terhadap PP Bagi Responden Perempuan	199

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	PERKARA	MUKA SURAT
1.1	Proses Kualiti Penambahbaikan Berterusan (CQI)	13
1.2	Kerangka Konsep Prestasi Pengurusan kokurikulum	15
1.3	Carta Organisasi Pengurusan Kokurikulum Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia	27
2.1	Komponen Utama Model CIPP	34
2.2	Model <i>Total Quality School</i> (1995)	40
2.3	Bahagian-bahagian Utama Dalam Sistem Organisasi	50
2.4	Sejarah Pemikiran Pengurusan	51
3.1	Gambarajah Aliran Kaedah Kuantitatif Dalam Reka Bentuk Kajian	104
3.2	Kedudukan Antara Pembolehkan Bebas, Pembolehkan Bersandar dan Pembolehkan Moderator Dalam Model	134
4.1	<i>Hypothesized Model</i> Bagi Konstruk Perancangan	172
4.2	<i>Revised Model</i> Bagi Konstruk Perancangan	174
4.3	<i>Hypothesized Measurement Model</i>	175
4.4	<i>Revised Measurement Model</i>	176
4.5	<i>Measurement Model</i>	178
4.6	Model <i>Structural</i> Pengurusan Kokurikulum	185
4.7	Model <i>Causal Effect</i>	188
4.8	Pengaruh Moderator Responden Lelaki – Model <i>Constrained</i>	191

4.9	Pengaruh Moderator Responden Lelaki – Model <i>Unconstrained</i>	192
4.10	Pengaruh Moderator Responden Perempuan – Model <i>Constrained</i>	194
4.11	Pengaruh Moderator Responden Perempuan – Model <i>Unconstrained</i>	195
4.12	<i>Standardized Beta Estimate</i> Bagi Responden Lelaki	197
4.13	<i>Standardized Beta Estimate</i> Bagi Responden Perempuan	198
5.1	Hubungan Antara Proses Perancangan Dan Pengawasan	218

**SENARAI SINGKATAN**

AMOS	-	Analysis of MOment Structures
AVE	-	Average Variance Extracted
BPG	-	Bahagian Pendidikan Guru
CFA	-	Confirmatory Factor Analysis
CIPP	-	Context, Input, Process, Product
CR	-	Composite Reliability
<i>CR</i>	-	<i>Critical Ratio</i>
DF	-	Degree of Freedom
EFA	-	Exploratory Factor Analysis
EPRD	-	Education Planning and Research Development
IAB	-	Institut Aminudin Baki
IPG	-	Institut Pendidikan Guru
JPN	-	Jabatan Pendidikan Negeri
JNJK	-	Jemaah Nazir Dan Jaminan Kualiti
KMO	-	Kaiser-Meyer-Olkin
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
MI	-	Modification Indices
PIPP	-	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PdP	-	Pengajaran dan Pembelajaran
PPD	-	Pejabat Pendidikan Daerah

PPK	-	Pusat Perkembangan Kurikulum
PPPM	-	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025)
SE	-	Standard Error
SEM	-	Structural Equation Modeling
SPSS	-	Statistical Package For Social Science
TQM	-	Total Quality Management
TQS	-	Total Quality School
VIF	-	Variance Inflation Factors

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Senarai Pakar Yang Terlibat Dalam Pengesahan Muka dan Kandungan Soal Selidik	246
B	Borang Soal Selidik	248
C	Borang Pengesahan Instrumen Kajian	258
D	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM	260
E	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Dari Jabatan Pendidikan Negeri WPKL	262
F	Pengesahan Pakar Berhubung Kesahan Instrumen	264
G	Contoh Analisis Peratusan Bilangan Berkursus Dan Kejayaan Guru	274

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Bagi mencapai gagasan Wawasan 2020, bidang pendidikan memainkan peranan yang amat penting dan bermakna. Keupayaan dan kestabilan negara terhasil daripada cetusan pemikiran rakyat yang berpendidikan selain kecemerlangan pentadbiran kerajaannya. Pendidikan di Malaysia hari ini bukan hanya menitikberatkan bidang kurikulum untuk menempa kejayaan tetapi juga mengambil kira keseimbangan murid dalam bidang kokurikulum. Hal ini selaras dengan matlamat kerajaan menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM, 2013) dan teras kedua dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010, iaitu pembangunan modal insan (KPM, 2006).

Dalam usaha mencapai hasrat sebagai sebuah negara maju, maka pelaksanaan aktiviti kokurikulum di peringkat sekolah kini menjadi agenda penting. Kepentingannya terbukti apabila Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memperakukan bahawa semua kegiatan kelab, persatuan, pasukan beruniform, sukan dan aktiviti sosial yang dilaksanakan di luar bilik darjah dianggap sebagai kegiatan kokurikulum (Zainal Sabu, 1999) dan perlu diceburi oleh setiap murid sekolah (Jawatankuasa Kabinet, 1979; Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil. 1/1985; SPI Bil. 2/1986; SPI Bil. 1/1989).

Sesebuah institusi pendidikan yang menyediakan proses pengajaran dan pembelajaran dikenal pasti sebagai agen perubahan dalam sesebuah masyarakat

(Levin, 1978; Wan Zahid, 1991; Coffey, 2001; dan Fullen, 2001). Keupayaan dan kemampuan sekolah melahirkan murid cemerlang dalam bidang kokurikulum perlu bermula dari peringkat asas pembelajaran iaitu dari awal persekolahan hingga ke peringkat tinggi. Hal ini kerana amalan kecerdasan dan kesihatan mampu menjadikan murid produktif ke arah hidup yang selamat dan sejahtera sepanjang hayat (Mohd. Anizu, 2011). Memandangkan penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum adalah amat diperlukan, maka aktiviti ini bukan sahaja dikhususkan kepada murid di sekolah harian biasa tetapi tidak terkecuali murid di sekolah berasrama penuh. Penegasan ini selaras dengan pernyataan daripada Dato' Dr. Abdul Shukur Abdullah selaku mantan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (KPPM) yang menyatakan bahawa:

Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuat keputusan yang dasar dan syarat pemilihan murid ke tingkatan satu di Sekolah Berasrama Penuh (SBP) bermula kemasukan tahun 2000, memberi penekanan utama kepada penglibatan dan pencapaian murid dalam aspek kepimpinan, sukan dan kokurikulum di samping mengekalkan syarat kecemerlangan akademik.

KP (BS) 8575-196 Jld. IV (26), 2 Jun 1999)

Keperluan melaksanakan aktiviti kokurikulum ini termaktub dalam Laporan Jawatankuasa Pelaksanaan Dasar Pelajaran, 1979, iaitu aktiviti kokurikulum perlu dilaksanakan terutama bertujuan untuk menyemai, memupuk dan menanam perasaan kekitaan antara murid, berdisiplin, bertanggungjawab, berdikari dan berkemahiran dalam satu-satu bidang yang diceburi. Matlamat ini selaras dengan pendidikan progresif, iaitu memberi kesedaran terhadap golongan belia tentang kehidupan yang bermakna dan juga demokratik (Siedentop, 1994). Hal ini diperkukuh melalui dasar yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 yang menyatakan seperti berikut:



Peraturan-Peraturan (Kurikulum Kebangsaan) mendefinisikan kokurikulum sebagai ...apa-apa kegiatan yang dirancang lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah yang memberikan murid peluang untuk menambah, mengukuh dan megamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari.

(Akta Pendidikan, 1996)

Mohd Najib Mahmud (2007) menjelaskan bahawa kedudukan kokurikulum dalam sistem pendidikan adalah setaraf dengan kepentingan kurikulum kerana matlamat yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan hanya akan tercapai hasil gandingan pelaksanaan kedua-dua aktiviti tersebut. Pendidikan yang berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan merupakan satu bentuk pembangunan manusia yang dibina mengikut acuan sendiri. Berasaskan falsafah inilah, maka tamadun bangsa Malaysia yang berteraskan nilai, moral dan akhlak yang berpaksikan kepercayaan kepada Tuhan dapat dibentuk (Nik Azmah, 2007). Oleh itu, setiap murid merupakan modal kepada guru untuk mencipta kemajuan dalam membentuk keperibadian terpuji.

Namun begitu, kejayaan seseorang murid dalam bidang kokurikulum tidaklah lahir secara fitrah sahaja tetapi perkara yang lebih utama adalah tahap pelaksanaan pengurusan yang cemerlang oleh guru dan kemudiannya diikuti dengan penglibatan murid secara menyeluruh. Carroll (1963;1989) dan KPM (2001) menjelaskan salah satu faktor pengurusan dan pengajaran berkesan adalah merujuk kepada sikap guru. Pandangan ini diperkukuh lagi menerusi Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 yang menyebut bahawa setiap kegiatan kokurikulum di sekolah hanya dapat dijayakan dengan sepenuhnya, andai guru yang mengendalikan kegiatan tersebut mengetahui tugas mereka serta menjalankan tugas tersebut dengan penuh minat, jujur dan dedikasi. Kenyataan ini telah diperaku oleh semua ahli Persatuan Pengetua Kebangsaan Malaysia (1996) yang menyatakan bahawa:

Guru akan diberi tugas-tugas berbentuk kurikulum, kokurikulum dan pentadbiran. Mereka mesti melaksanakan tugas-tugas tersebut dengan dedikasi, cekap dan bertanggungjawab (hal. 27).

Semua guru akan ditugaskan menjadi penasihat kegiatan kokurikulum (hal. 139).

(Laporan Persatuan Pengetua Kebangsaan, 1996)

Oleh itu, guru memainkan peranan yang sangat penting untuk menggilap potensi murid memandangkan pelaksanaan kokurikulum di sekolah menjadi sebahagian tugas hakiki mereka (Seksyen 18, Akta Pendidikan 1996). Kegagalan guru mengurus dan melaksanakan aktiviti kokurikulum, menjadi satu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali (Seksyen 135 (1) Akta Pendidikan, 1996).

Selain itu, Buku Pembangunan Pendidikan 2001-2010, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menjelaskan bahawa guru-guru harus digalakkan supaya komited dalam menjayakan aktiviti kokurikulum. Keperluan intelektual, rohani, fizikal dan emosi para guru (Soon Seng Thah, 2007) akan menjadi kayu ukur dalam membentuk kejayaan murid pada masa depan terutama bagi memenuhi keperluan masyarakat dan negara (Buku Panduan Pengurusan Kokurikulum, KPM, 2009). Sulaiman Shahadan (2008) menyatakan bahawa pengurusan kokurikulum yang baik menjadi harapan oleh setiap warga sekolah. Hal ini sejajar dengan aspirasi kerajaan yang inginkan generasi akan datang berdiri teguh mendukung nilai-nilai kepimpinan, mampu berdaya saing, berdisiplin dan bertanggungjawab.

Oleh yang demikian, peranan guru penasihat kokurikulum sangat penting untuk merealisasikan aspirasi negara. Perkara ini dijelaskan menerusi Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI), Bil.1/1985 dan Bil. 4/1995 bahawa aktiviti kokurikulum mempunyai peranan penting dalam pembentukan perkembangan jasmani dan rohani murid. Di samping itu, warga pendidik perlu menyedari bahawa pelaksanaan

pengurusan kokurikulum merupakan sebahagian daripada kurikulum kebangsaan seperti yang termaktub dalam Peraturan 3 (1), 1997. Melalui peraturan dan arahan KPM inilah, maka usaha untuk merealisasikan pengurusan kokurikulum yang baik daripada semua lapisan guru penasihat harus diberi perhatian.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Dalam usaha pihak Kementerian Pendidikan Malaysia memberi penekanan terhadap aktiviti kokurikulum murid, timbul persoalan sejauhmana jurang pengetahuan dan kemahiran guru menjadi penggerak bagi menyahut cabaran melaksanakan tugas pengurusan kokurikulum yang berkesan. Hal ini dikaitkan dengan banyak sungutan dan rasa tidak puas hati dalam kalangan ibu bapa dan masyarakat terhadap kredibiliti guru (Jamil Ahmad, 2002; Siti Taniza Toha, 2002; Pauzi Mohd Isa, 2005 dan KPM, 2000). Beberapa dapatan kajian mendapati guru kurang memahami tanggungjawab mereka malah tidak memberi kerjasama terhadap matlamat dan objektif dasar pendidikan kokurikulum. Ramai guru yang hanya melaksanakan tugas sekadar memenuhi kehendak pihak pentadbir sekolah tetapi hakikatnya mereka tidak mempunyai pengetahuan dan tidak menghayati objektif pelaksanaan aktiviti kokurikulum yang sebenar (Pauzi Mohd Isa, 2005; Shahbeshen Rengasamy, 2006 dan Abu Bakar, 2007).

Sebahagian aktiviti yang dijalankan oleh guru tidak berlandaskan matlamat pendidikan kerana kurang pengetahuan menyebabkan pelaksanaan kurang berkesan bagi merealisasikan konsep 'pengetahuan dan kemahiran merentas kurikulum'. Implikasinya, aktiviti yang dilaksanakan kurang memberi peluang kepada murid untuk mendapat pengetahuan, pengalaman dan kemahiran yang dialami sendiri (hands on) selaras dengan prinsip pembelajaran secara kontekstual. Justeru, penglibatan guru dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum di sekolah perlu dipertingkatkan. Jika prestasi pelaksanaan aktiviti kokurikulum diabaikan, maka hasrat untuk menjadikan institusi pendidikan sebagai pusat kecemerlangan yang menyeluruh tidak berjaya direalisasikan (Buku Panduan Pengurusan Kokurikulum Sekolah Menengah dan Rendah, KPM, 2003; Rozita Abdul Rashid, 2003).

Beberapa hasil kajian lain mendapati bahawa ramai guru termasuk pengetua masih kurang cekap dalam mengendalikan pengurusan berkualiti. Hal ini kerana mereka tidak terlatih dalam kebolehan mengurus aktiviti, tiada kemahiran dalam bidang yang dipertanggungjawabkan, tiada pengetahuan kepegawaian dan tiada kepakaran sebagai jurulatih (Azlin Norhaini Mansor, 2006; Robiah Sidin, 1998;2003 dan Abu Bakar, 2007). Selain itu, Wee Eng Hoe (1996;2000) dan Julismah Jani (2010) dalam kajian mereka mendapati guru yang tidak membuat perancangan secara sistematik dalam pengurusan kokurikulum boleh menyebabkan timbul masalah kepada pelbagai pihak. Kedua-dua pengkaji ini juga menjelaskan bahawa kebanyakan guru penasihat yang dilantik oleh kepimpinan sekolah adalah tidak terlatih, tidak berkemahiran, tidak mengetahui kaedah/metod mengurus dan tidak berpengalaman dalam bidang pengurusan aktiviti kokurikulum berkenaan. Mereka juga menjelaskan di samping tidak mempunyai kemahiran, guru kurang berminat malah sesetengahnya menganggap gerak kerja kokurikulum adalah sebagai membuang masa dan merupakan aktiviti yang tidak berfaedah kepada kedua-dua pihak guru dan murid.

Walaupun aktiviti kokurikulum wajib dilaksanakan di sekolah dan diberi markah sebanyak sepuluh peratus sebagai syarat kemasukan untuk melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), namun menurut Anuar Din (2008), pada tahun awal pelaksanaannya, masih ramai murid yang gagal mendapat sebarang markah. Perkara ini membuktikan bahawa penglibatan murid masih berada pada tahap rendah lantaran kurang kesungguhan di peringkat pelaksanaan. Jadi, adalah wajar diambil kira pandangan Lambert (1998) dengan menegaskan bahawa sekolah yang berkesan aktiviti kokurikulumnya akan lahir hasil daripada penyertaan yang berterusan daripada guru yang kompeten. Kompeten seorang guru terserlah apabila mereka berkemahiran menjalankan tanggungjawab, menunjukkan penglibatan dan kerjasama sehingga mampu melahirkan murid cemerlang.

Menurut Asmee Tajuddin (1996), pendidikan berkualiti perlu melibatkan tiga unsur utama iaitu kualiti guru, kualiti pengajaran dan pembelajaran (proses) dan kualiti hasil (murid yang dihasilkan). Ketiga-tiga unsur ini saling berkaitan untuk melahirkan hasil yang bermutu. Persoalannya, bagaimana cara terbaik untuk menarik minat dan mengubah sikap guru supaya dapat meningkatkan tahap pengurusan dengan

berkualiti. Hal ini dijelaskan oleh Bucher (1979) dengan menyatakan bahawa guru-guru berpengalaman adalah sangat diperlukan kerana mereka seharusnya memahami keperluan fizikal, mental, emosi dan sosial murid.

Yusnizam Ahmad (2008) mendapati, kurangnya kebolehan, kemahiran dan pengetahuan guru akan mempengaruhi corak pengendalian kokurikulum di bawah seliaan mereka. Impaknya, pencapaian murid akan terjejas kerana kepincangan pengurusan guru tersebut. Gregson (2003) pula berpendapat bahawa masalah sedemikian boleh diatasi sekiranya guru terlatih dan guru pelatih saling bekerjasama dengan berkongsi pengetahuan untuk menjadikan mereka lebih berkebolehan. Kebolehan dalam konteks pendidikan kebangsaan adalah untuk melahirkan individu yang menyeluruh daripada semua aspek. Oleh itu, keupayaan guru dalam melaksanakan pengurusan kokurikulum di sekolah akan menjadi salah satu kayu ukur ke arah kejayaan seseorang murid.

### **1.3 Penyataan Masalah**

Kementerian Pendidikan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menegaskan bahawa program kokurikulum perlu diberi perhatian sebagai matlamat negara untuk melahirkan modal insan yang berkualiti. Aktiviti kokurikulum merupakan salah satu saluran yang mampu menggalakkan perkembangan bakat dan kreativiti murid. Selain itu, penglibatan semua guru adalah dikehendaki untuk tujuan memastikan keberkesanan aktiviti kokurikulum di sekolah (Subperkara 5.2 dalam SPI Bil. 1/1985). Oleh sebab itu, setiap guru selain daripada melaksanakan tugas sebagai penyalur bidang akademik di sekolah, mereka juga perlu bertindak melaksanakan pengurusan kokurikulum secara serius.

Seorang guru seharusnya mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi ketika melaksanakan tugas sebagai pengurus. Kecekapan dan kebijaksanaan serta kesanggupan seseorang guru dalam merancang, melaksana, menilai dan membuat penambahbaikan terhadap sesuatu program dapat menentusahkan tahap

keberkesanan pelaksanaan kokurikulum di sekolah mereka. Sekiranya guru penasihat mampu melaksanakan pengurusan kokurikulum dengan baik sepertimana yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, maka secara tidak langsung, hasil penilaian kokurikulum terhadap murid juga menjadi lebih baik (Othman, 2002).

Walau bagaimanapun, laporan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, KPM (2010) mendapati kebanyakan guru penasihat kokurikulum kurang berpengetahuan tentang asas kemahiran mahupun peraturan serta undang-undang tentang persatuan/ kelab/ permainan/ unit beruniform yang dipertanggungjawabkan kepada mereka (Mohd Anuar dan Nor Azah, 2011). Perkara ini tersasar daripada matlamat pelaksanaan aktiviti ini kerana keberkesanan pelaksanaan kokurikulum dan pencapaian murid di sekolah adalah bergantung kepada pengurusan pihak sekolah terutamanya guru yang diberi tanggungjawab tersebut. Hasil pengurusan yang lemah dikhuatiri tidak dapat mencapai hasrat semua pihak berkepentingan terutama keberhasilan murid untuk menjadi insan berketerampilan dalam meningkatkan martabat bangsa dan negara (Asariah Mior Shaharudin, 2009).

Memandangkan Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan borang penilaian standard yang wajib dipatuhi di peringkat sekolah (KPM, 2006), maka guru berperanan sebagai salah satu faktor penentu pencapaian murid. Oleh yang demikian, kualiti pengurusan guru penasihat kokurikulum perlu diberi perhatian dan dinilai semula. Keberkesanan pelaksanaan pengurusan ini akan bertambah baik sekiranya proses pengajaran yang berasaskan interaksi dua hala antara guru dan murid berjaya dilaksanakan (Julismah Jani, 2006). Selain itu, objektif dan kandungan pengajaran yang terancang disertai keadaan fizikal dan persekitaran pembelajaran yang kondusif sangat membantu untuk menghasilkan satu proses pendidikan berkualiti (Zamzarina Ariffin, 2002; Noreha Sarkawi, 2008; Julismah Jani, 2010).

Seterusnya, beberapa kajian tentang kualiti guru telah dibuat oleh beberapa penyelidik seperti Deci dan Ryan (1985); Ntoumanis (2005); Abdul Shukur Shaari (2008) menjelaskan bahawa guru sangat berperanan untuk membentuk generasi akan datang memandangkan kualiti pendidikan dalam sesebuah masyarakat adalah bergantung kepada kualiti guru yang dihasilkan. Menurut Siti Hajar (2000), sistem pengurusan kokurikulum mempunyai hubungan yang rapat terhadap pencapaian

dalam bidang kokurikulum. Hal ini menyebabkan penyelidik berminat untuk mengetahui tahap kemahiran pengurusan guru penasihat semasa menjalankan aktiviti kokurikulum di sekolah. Kajian yang hendak dijalankan oleh penyelidik mengambil kira faktor wujudnya jurang pengetahuan dan jurang kaedah/metod pelaksanaan yang didapati belum mantap sepertimana hasil dapatan kajian penyelidik terdahulu (Sheikh Kamarudin, 1994; Zainun Ishak, 1995; Wee Eng Hoe, 2000 dan Julismah Jani, 2010).

Oleh hal yang demikian, penyelidik berhasrat untuk mengenal pasti tahap pelaksanaan pengurusan kokurikulum guru penasihat sekolah menengah melalui beberapa kaedah. Penyelidik akan memulakan proses kajian dengan menganalisis garis panduan pelaksanaan aktiviti kokurikulum guru penasihat menerusi dokumen Buku Panduan Pengurusan Kokurikulum KPM (2009). Hasil daripada analisis tersebut, sebuah instrumen pengukuran akan dibina sebagai panduan untuk menentukan tahap kemahiran pengurusan guru penasihat berdasarkan domain pembelajaran dan pengajaran yang mereka laksanakan. Hasil dapatan kajian ini boleh memberi gambaran sebenar tentang tahap kemahiran pengurusan guru berdasarkan jurang pengetahuan dan kaedah melaksanakan pengurusan kokurikulum mereka.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian yang dijalankan bertujuan untuk mencapai objektif seperti berikut:

- i. Mengetahui profil demografi guru penasihat dan hubungannya dengan penglibatan pengurusan kokurikulum yang disertai.
- ii. Mengetahui tahap kemahiran pengurusan guru penasihat pada peringkat perancangan, pelaksanaan, penilaian dan penambahbaikan.
- iii. Membina dimensi profil konstruk pengurusan kokurikulum guru berdasarkan dokumen garis panduan pengurusan kokurikulum, KPM.
- iv. Menguji kesahan dan kebolehpercayaan konstruk.

- v. Mengenal pasti hubungan antara semua konstruk kemahiran pengurusan guru penasihat dengan prestasi pencapaian sebenar mereka.
- vi. Mengenal pasti pengaruh faktor jantina (moderator) terhadap kemahiran pelaksanaan aktiviti kokurikulum sehingga memberi kesan kepada prestasi pencapaian kokurikulum sekolah.

### 1.5 Persoalan Kajian

Terdapat keperluan untuk mengenal pasti tahap kemahiran pengurusan guru penasihat dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum di sekolah. Bagi mencapai objektif yang dinyatakan, kajian ini secara khususnya melihat persoalan (S) yang perlu dikenal pasti jawapannya iaitu:-

- S1 Apakah corak profil guru penasihat berdasarkan demografi mereka?
- S2 Adakah terdapat hubungan antara jantina dan umur responden dengan perkara-perkara berikut:
  - i. Kursus yang pernah diikuti.
  - ii. Jumlah kekerapan menghadiri kursus berkaitan.
  - iii. Kejayaan tertinggi yang pernah diraih.
- S3 Apakah tahap kemahiran perancangan guru dalam melaksanakan pengurusan kokurikulum?
- S4 Apakah tahap kemahiran pelaksanaan guru dalam melaksanakan pengurusan kokurikulum?
- S5 Apakah tahap kemahiran penilaian guru dalam melaksanakan pengurusan kokurikulum?
- S6 Apakah tahap usaha penambahbaikan guru dalam melaksanakan pengurusan kokurikulum?



- S7 Adakah wujud dimensi tersirat yang membentuk konstruk kemahiran dalam dokumen garis panduan pengurusan kokurikulum KPM?
- S8 Adakah profil konstruk yang terhasil mempunyai persamaan dengan model dan teori pengurusan terdahulu?
- S9 Adakah profil konstruk pengurusan kokurikulum ini mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi?
- S10 Adakah setiap konstruk kemahiran pengurusan ini mempunyai hubungan dengan prestasi pencapaian sebenar guru?
- S11 Adakah faktor jantina (moderator) mempunyai kesan dalam mempengaruhi tahap kemahiran pelaksanaan dengan prestasi pencapaian kokurikulum sekolah?

## 1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian dibentuk untuk menjawab objektif kajian seperti yang berikut:

- $H_{A1}$  Terdapat hubungan antara jantina dengan penglibatan guru menghadiri kursus.
- $H_{A2}$  Terdapat hubungan antara jantina dengan kekerapan guru menghadiri kursus.
- $H_{A3}$  Terdapat hubungan antara jantina dengan kejayaan tertinggi yang pernah diraih oleh guru.
- $H_{A4}$  Terdapat hubungan antara umur dengan penglibatan guru menghadiri kursus.
- $H_{A5}$  Terdapat hubungan antara umur dengan kekerapan guru menghadiri kursus.


- H<sub>A6</sub>* Terdapat hubungan antara umur dengan kejayaan tertinggi yang pernah diraih oleh guru.
- H<sub>A7</sub>* Terdapat dimensi yang tersirat dalam setiap konstruk yang dibina.
- H<sub>A8</sub>* Profil konstruk mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.
- H<sub>A9</sub>* Terdapat hubungan positif dan signifikan pada tahap kemahiran perancangan guru terhadap prestasi pencapaian kokurikulum.
- H<sub>A10</sub>* Terdapat hubungan positif dan signifikan pada tahap kemahiran pelaksanaan guru terhadap prestasi pencapaian kokurikulum.
- H<sub>A11</sub>* Terdapat hubungan positif dan signifikan pada tahap kemahiran penilaian guru terhadap prestasi pencapaian kokurikulum.
- H<sub>A12</sub>* Terdapat hubungan positif dan signifikan pada tahap usaha penambahbaikan guru terhadap prestasi pencapaian kokurikulum
- H<sub>A13</sub>* Faktor jantina (guru lelaki) mempunyai hubungan positif dan signifikan sebagai pemboleh ubah pengantara (moderator) terhadap hubungan antara tahap kemahiran pelaksanaan dengan prestasi pencapaian kokurikulum sekolah.
- H<sub>A14</sub>* Faktor jantina (guru perempuan) mempunyai hubungan positif dan signifikan sebagai pemboleh ubah pengantara (moderator) terhadap hubungan antara tahap kemahiran pelaksanaan dengan prestasi pencapaian kokurikulum sekolah.

## **1.7 Kerangka Konseptual Kajian**

Dalam usaha melaksanakan sesuatu pengurusan yang baik, proses penilaian ke atas pelaksanaan program tersebut menjadi salah satu aspek kritikal yang perlu

diambil kira. Realitinya tiada satu reka bentuk penilaian pengurusan yang dianggap lengkap bagi semua keadaan (Stufflebeam dan Shinkfield, 2007), namun model Penilaian CIPP yang dikemukakan oleh Stufflebeam *et. al.* (1971;1985) menjadi rujukan awal kajian ini. Model ini berfokus kepada empat komponen iaitu: i) komponen konteks, ii) komponen *input*, iii) komponen proses; dan iv) komponen hasil (*output*). Stufflebeam menekankan langkah kesinambungan antara komponen dalam sesuatu program yang dilaksanakan dan menganggap model ini bersifat holistik. Antara penyelidik terdahulu yang menggunakan model tersebut ialah Barajas *et. al.* (2002), Jamil (2002), Rudzi (2003), Connel dan Johnson (2004), Jamaluddin *et. al.* (2006), dan Nor Izah (2011).

Walau bagaimanapun, penyelidik mendapati pendekatan proses *Continuous Quality Improvement* (CQI) merupakan salah satu proses yang lebih bersifat *universal* (Rajah 1.1). Pendekatan ini banyak diguna pakai dalam sektor pengurusan sama ada dalam bidang pendidikan, perkhidmatan, perniagaan mahupun kesihatan. Model CQI menggunakan kitaran proses empat langkah iaitu perancangan (*plan*), pelaksanaan (*do*), semakan/menilai (*check*) dan tindakan susulan (*act*). Model ini telah diperkenalkan oleh W. Edward Deming (1989;2000) yang memberikan garis panduan tentang kualiti berdasarkan proses satu pusingan lengkap.



**Rajah 1.1:** Proses Kualiti Penambahbaikan Berterusan  
(Continuous Quality Improvement Process)


Selain menggunakan pendekatan proses *CQI*, penyelidik juga mengambil kira Konsep Pengurusan Taylor (1984) sebagai salah satu panduan dalam melaksanakan pengurusan kokurikulum di sekolah. Konsep Pengurusan Taylor ini mempunyai persamaan dengan model proses *CQI* iaitu merujuk kepada empat faktor utama yang membawa kepada kejayaan sesebuah pengurusan. Konsep ini melibatkan: i) Faktor Perancangan, ii) Faktor Pelaksanaan, iii) Faktor Penyemakan; dan iv) Faktor Tindakan. Jadi, model *CQI* dan konsep pengurusan Taylor ini akan dijadikan landasan yang boleh diadaptasi dan disesuaikan dengan konsep pengurusan kokurikulum guru penasihat di sekolah.

Hasil daripada gabungan model *CIPP*, model *CQI* dan konsep pengurusan Taylor, maka penyelidik telah membangunkan kerangka konseptual kajian sebenar yang melibatkan kesemua komponen dalam model-model tersebut. Komponen dalam kajian ini terbahagi kepada lima konstruk (empat konstruk pemboleh ubah bebas dan satu konstruk pemboleh ubah bersandar). Konstruk pemboleh ubah bebas yang dihasilkan adalah seiring dengan garis panduan pengurusan kokurikulum sekolah (KPM, 2009) dan mempunyai persamaan mengikut kronologi model *CQI* iaitu i) Perancangan, ii) Pelaksanaan, iii) Penilaian; dan iv) Usaha Penambahbaikan. Prestasi Pencapaian pula merupakan pemboleh ubah bersandar yang menjelaskan pencapaian sebenar guru dan murid semasa menyertai mana-mana pertandingan dari peringkat sekolah hingga ke peringkat antarabangsa (Rajah 1.2).

Setiap konstruk dalam pemboleh ubah bebas mempunyai hipotesis masing-masing bagi tujuan untuk menjawab objektif dan persoalan kajian. Analisis perisian statistik *Structural Equation Modeling* (SEM) digunakan dalam kebanyakan proses penganalisan kajian kerana statistik ini bersesuaian dengan kaedah kajian yang bersifat kuantitatif. Penyelidik juga mengambil kira pengaruh faktor moderator (jantina) sebagai pemboleh ubah untuk mengenal pasti tahap kemahiran pengurusan guru penasihat dalam memberi impak kepada prestasi pencapaian kokurikulum di sekolah menengah.

Kerangka konseptual kajian pengurusan aktiviti kokurikulum ini diharapkan mampu menjadi penanda aras kepada para guru untuk meningkatkan tahap kemahiran melaksanakan pengurusan aktiviti kokurikulum di sekolah mereka. Selain

itu, hasil dapatan kajian ini boleh disalurkan sebagai input kepada pihak berkepentingan termasuk penggubal dasar di peringkat kementerian. Diharapkan input tersebut dapat membantu mereka untuk menyemak semula keperluan pelaksanaan pengurusan berhubung aktiviti kokurikulum di sekolah dan mengambil langkah penambahbaikan sekiranya perlu.



**Rajah 1.2:** Kerangka Konsep Prestasi Pengurusan Kokurikulum Guru Penasihat Sekolah Menengah

## 1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kemahiran pengurusan dan prestasi pencapaian kokurikulum yang dilaksanakan oleh guru penasihat di sekolah. Dapatan kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan dalam mencari jalan penyelesaian masalah (knowledge gap) yang berlaku dalam kalangan guru penasihat

kokurikulum. Hasil kajian ini juga dapat membantu guru penasihat kokurikulum membuat refleksi diri terhadap amalan pengurusan mereka. Selain guru, pihak pentadbir sekolah terutama Penolong Kanan Kokurikulum (GPK Kokurikulum) juga boleh mengenal pasti cabaran dan kelemahan kaedah pengurusan guru mereka. Langkah seterusnya adalah dengan mengambil langkah proaktif untuk meningkatkan prestasi pencapaian sekolah dan tahap kemahiran pengurusan guru di bawah seliaan mereka.

Bagi menjalankan kajian ini, penyelidik telah menghasilkan satu set instrumen soal selidik untuk mengenal pasti tahap kemahiran pelaksanaan pengurusan kokurikulum guru penasihat di sekolah. Instrumen yang dibina adalah berasaskan dokumen garis panduan pengurusan kokurikulum sekolah menengah (KPM, 2009). Instrumen tersebut menjadi lebih bermakna kepentingannya sekiranya guru dapat menterjemahkan garis panduan ini ke dalam bentuk mengaplikasikannya semasa pengurusan aktiviti dijalankan. Selain itu, pihak pentadbir terutama pengetua sekolah sekurang-kurangnya boleh menjadikan dapatan kajian sebagai garis panduan untuk menilai kemampuan dan kualiti guru mereka dan seterusnya boleh menambah baik mutu perkhidmatan pendidikan.

Dapatan kajian ini dapat memberi gambaran yang lebih menyeluruh kepada pihak pentadbir supaya terus memberi perhatian serius terhadap pelaksanaan aktiviti kokurikulum terutama dari segi keberkesanan pengurusan yang dilaksanakan oleh guru penasihat. Seterusnya, diharapkan agar tahap atau kualiti pengurusan kokurikulum guru pada masa akan datang akan terus meningkat dan sekaligus melengkapkan teras kelima dalam PIPP (2006-2010) dan menepati matlamat Gelombang ke-2 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 iaitu 'Memartabatkan Profesion Keguruan dan Menganjak Ke Arah Kepimpinan Distributif'. Akhirnya, harapan negara untuk mencapai gagasan Wawasan 2020 akan berjaya hasil gandingan usaha semua warga pendidik.

Hasil daripada dapatan kajian ini juga dapat memberi gambaran semula (refleksi) kepada semua Institut Pendidikan Guru (IPG) untuk mengambil langkah memantapkan lagi latihan kemahiran komponen kokurikulum pada masa hadapan. Penyediaan kursus, latihan dan bengkel yang berkaitan dengan aktiviti kokurikulum

kepada pra dan pasca perkhidmatan guru adalah sangat membantu untuk memberi pendedahan kepada guru. Tujuannya agar dapat melahirkan guru yang benar-benar berkualiti dan komited dalam menggalas tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka.

Akhirnya, hasil kajian ini diharapkan dapat membantu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terutama Bahagian Pembangunan Kokurikulum dalam usaha meningkatkan kualiti dan melakukan transformasi untuk menilai tahap pelaksanaan pengurusan kokurikulum guru penasihat di peringkat kebangsaan.

## **1.9 Skop Kajian**

Kajian yang dijalankan ini memberi tumpuan kepada dokumen garis panduan tugas dan tanggungjawab guru penasihat melaksanakan pengurusan kokurikulum sekolah. Aspek ini dilihat kerana proses pengurusan aktiviti yang dijalankan oleh guru penasihat adalah berasaskan kepada garis panduan ini. Sekiranya garis panduan tersebut dipatuhi sepenuhnya oleh guru, maka tahap kemahiran pengurusan yang dijalankan akan lebih berkesan. Walau bagaimanapun, sehingga kini keadaan sebaliknya yang berlaku terutama di peringkat pelaksanaan kerana maklumat tidak sampai ke sasaran sebenar terutama dalam kalangan guru penasihat sendiri (Zalina *et. al.*, 2012). Begitu juga terdapat jurang pengetahuan yang jelas berlaku dalam kalangan guru penasihat untuk melaksanakan tanggungjawab pengurusan ini (Noreha Sarkawi, 2008; Julismah Jani, 2010).

Oleh hal yang demikian, satu set instrumen soal selidik berhubung pengurusan kokurikulum yang terhasil daripada dokumen Buku Panduan Pengurusan Kokurikulum (KPM, 2009) telah dibina oleh penyelidik. Instrumen yang dibina ini telah disahkan oleh lapan orang pakar dalam bidang kokurikulum selain dengan menggunakan kaedah saintifik iaitu analisis *Exploratory Factor Analysis* (EFA) bagi tujuan mengenal pasti kekuatan item dalam konstruk. Seterusnya analisis dengan menggunakan kaedah *Confirmatory Factor Analysis* (CFA) dijalankan untuk menguji kesahan konstruk dan kebolehpercayaan instrumen.

Kajian ini berfokus kepada guru yang mengajar di sekolah menengah harian bantuan kerajaan di seluruh negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Soal selidik diedarkan kepada guru penasihat kokurikulum yang memegang jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Terlatih. Guru penasihat dipilih sebagai sampel kerana mereka merupakan lapisan pengurus yang memainkan peranan penting dalam menentusahkan pencapaian dan kejayaan kokurikulum murid di sesebuah sekolah selain peranan dan sokongan yang dimainkan oleh pihak pentadbir.

Sampel kajian dibuat secara rawak mudah (Azizi Yahya, *et. al.*, 2007) daripada kesemua empat zon di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu Zon Bangsar, Zon Pudu, Zon Sentul dan Zon Keramat. Kesimpulannya, dapatan yang dihasilkan boleh digeneralisasikan hanya kepada populasi sampel yang terlibat dalam kajian sahaja. Namun, dapatan ini menjadi titik permulaan dalam kalangan guru untuk terus berusaha memartabatkan profesion keguruan dalam meningkatkan kecemerlangan murid. Hal ini bersesuaian dengan pepatah yang menyatakan kejayaan murid adalah cerminan kecemerlangan guru dan kecemerlangan guru akan melahirkan kelestarian pendidikan yang mampan.

## **1.10 Definisi Istilah dan Operasional**

Dalam kajian ini, beberapa konsep dan istilah penting perlu diberikan pendefinisian yang jelas berdasarkan sumbernya. Istilah-istilah yang digunakan mempunyai hubungan dan kaitannya secara langsung dalam kajian, antaranya:

### **1.10.1 Tahap Kemahiran Pengurusan**

Tahap kemahiran pengurusan kokurikulum dalam kajian ini melibatkan empat konstruk kemahiran dan satu konstruk prestasi pencapaian. Konstruk kemahiran tersebut dijelaskan seperti yang berikut:



### **1.10.1.1 Perancangan**

Perancangan merupakan satu tatacara bekerja untuk mendapat hasil yang boleh dinyatakan dengan jelas dan tersusun dalam satu sistem membuat keputusan (Mintzberg, H., 1980) Perancangan juga adalah proses merancang sesuatu perkara atau program sebelum program tersebut dilaksanakan. Dalam kajian ini, proses perancangan yang perlu diambil kira oleh guru penasihat adalah berfikir tentang masa hadapan dan berusaha untuk mengawal masa depan. Langkah yang harus diambil adalah dengan melakukan perancangan sebelum dan semasa aktiviti kokurikulum dijalankan. Proses perancangan ini mengambil kira keperluan dalam bidang yang diurus oleh guru penasihat bersama-sama ahli mereka.

Perbincangan awal sebelum permuafakatan antara ahli dicapai adalah menjadi titik mula sesuatu aktiviti dijalankan. Pandangan ahli dalam kumpulan menjadi suara utama sebelum perancangan aktiviti dibentuk. Keputusan dalam membuat perancangan ini biasanya dilakukan pada mesyuarat pertama yang dijalankan pada awal tahun persekolahan. Perancangan juga boleh dilakukan semasa sesuatu aktiviti dijalankan. Perancangan sedemikian boleh dibuat apabila sesuatu perubahan dan keputusan perlu diambil semasa aktiviti kokurikulum sedang berjalan. Perancangan semasa ini ada ketikanya dibuat tanpa melibatkan keputusan semua ahli. Kemahiran guru membuat keputusan dalam merancang perjalanan aktiviti kokurikulum dapat membantu ahli mencapai kecemerlangan.

### **1.10.1.2 Pelaksanaan**

Pelaksanaan merupakan proses melaksanakan sesuatu aktiviti setelah melalui proses perancangan. Guru penasihat dan ahlinya akan melaksanakan aktiviti mengikut perancangan yang telah dipersetujui semasa mesyuarat pertama dijalankan. Walau bagaimanapun, guru penasihat akan menjalankan aktiviti selari dengan garis panduan pengurusan kokurikulum yang telah disediakan oleh KPM kerana pelaksanaan kegiatan kokurikulum di semua sekolah adalah wajib (Seksyen 18, Akta Pendidikan, 1996) dan boleh dijatuhkan hukuman sekiranya disabitkan kesalahan.

Semasa melaksanakan aktiviti, guru penasihat mestilah patuh kepada peraturan dan hendaklah memastikan keberkesanan pelaksanaan aktiviti tersebut. Oleh itu, pelaksanaan aktiviti kokurikulum ini perlu mengandungi elemen-elemen pengetahuan, pengalaman dan kemahiran baharu, selain nilai-nilai murni yang boleh membantu murid membangunkan intelek, jasmani, emosi dan rohani secara seimbang. Pelaksanaan aktiviti yang dilaksanakan oleh guru penasihat ini juga mesti berasaskan kepada penyertaan beramai-ramai tanpa ada unsur diskriminasi atau paksaan.

Dalam kajian ini, penyelidik melihat kemahiran guru penasihat melaksanakan pengurusan kokurikulum berdasarkan perancangan yang telah dibuat pada perjumpaan awal dengan ahli kumpulan. Selain itu, dapat mengenal pasti tahap kemahiran guru dalam mengendalikan aktiviti di bawah seliaan mereka kerana aktiviti kokurikulum di sekolah sebenarnya adalah bersifat merentas disiplin dan bersepadu.

### **1.10.1.3 Penilaian**

Stufflebeam dan Shinkfield (2007) berpendapat bahawa penilaian merupakan satu proses pengumpulan dan penggunaan maklumat sebelum mengambil keputusan untuk melaksanakan sesuatu program pendidikan. Mereka juga melihat penilai sebagai satu proses yang menggambar, memperoleh dan membekalkan maklumat dalam bentuk huraian dan penjelasan berasaskan model CIPP. Menurut Fitzpatrick, *et.al.* (2004) dan Robson (2000), penilaian adalah menentukan nilai sesuatu yang merujuk perkara inovasi, intervensi, polisi, projek atau perkhidmatan. Penilaian yang dimaksudkan adalah satu program, proses, produk, projek, bahan pengajaran, inovasi, intervensi atau polisi. Oleh itu, penilaian dianggap sebagai satu proses pengumpulan dan penggunaan maklumat sebelum membuat keputusan untuk mewujudkan program bagi meningkatkan kualiti pendidikan.

Dalam konteks kajian ini, penilaian yang dijalankan adalah terhadap pelaksanaan polisi kokurikulum menerusi garis panduan pengurusan kokurikulum

guru penasihat. Hal ini bertujuan supaya dapat mengenal pasti tahap kemahiran pelaksanaan pengurusan kokurikulum guru penasihat yang sebenar dan langkah penambahbaikan selanjutnya boleh diambil bagi mengatasi masalah yang dihadapi.

#### **1.10.1.4 Usaha Penambahbaikan**

Setelah membuat penilaian terhadap pengurusan aktiviti ahli dalam kumpulan, guru penasihat akan merangka semula langkah untuk penambahbaikan. Mengikut model *CQI*, usaha penambahbaikan adalah proses terakhir dalam lingkaran pusingan model. Walaupun usaha membuat penambahbaikan merupakan langkah akhir dalam pusingan, namun menjadi penting kerana pusingan atau kitaran ini akan kembali semula kepada kitaran awal iaitu proses perancangan. Biasanya usaha ini mengambil kira kelemahan dan kekangan yang dihadapi semasa melaksanakan aktiviti kokurikulum di sekolah. Guru penasihat akan membuat *post-mortem* terhadap pencapaian sesuatu perjalanan aktiviti. Ahli kumpulan pula akan berbincang dan memberi pandangan untuk meningkatkan lagi pencapaian kumpulan mereka.

#### **1.10.1.5 Prestasi Pencapaian**

Apabila kitaran proses pengurusan dijalankan secara berterusan, akhirnya akan menghasilkan satu dapatan yang dikenali sebagai pencapaian sebenar. Oleh itu, kajian ini menggunakan prestasi pencapaian sebenar guru dalam usaha melibatkan ahli kumpulan menerusi mana-mana pertandingan dari peringkat sekolah sehingga ke peringkat antarabangsa. Pencapaian ini kemudiannya dilihat sebagai petunjuk yang dapat merefleksi tahap kemahiran guru penasihat dalam menjalankan tanggungjawab mengurus aktiviti kokurikulum di sekolah mereka. Keputusan pencapaian sebenar ini diperoleh daripada hasil kejayaan guru menerusi prestasi pencapaian ahli kumpulan mereka semasa menyertai pertandingan.

Prestasi pencapaian dibuat berdasarkan penilaian prestasi tahunan ahli kumpulan merujuk kepada skema lengkap yang telah disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Guru penasihat perlu mematuhi garis panduan skema tersebut

selain sentiasa berusaha membentuk ahli kumpulan mereka ke arah kecemerlangan. Guru penasihat yang berjaya ialah guru yang mampu membimbing ahli dan membentuk kecemerlangan mereka mengikut perancangan dan kemahiran yang sentiasa ditambah baik.

### **1.10.2 Akta Pendidikan, Dasar Pendidikan Kebangsaan, Garis Panduan dan Surat Pekeliling**

Akta merupakan undang-undang yang dikuatkuasakan setelah diluluskan di Parlimen. Akta Pendidikan 1996 merupakan salah satu undang-undang yang diterima pakai dan menjadi rujukan dalam sistem pendidikan di negara ini. Akta Pendidikan ini merupakan lanjutan dan pembaharuan dari Akta Pelajaran 1961 bertujuan memantapkan sistem pendidikan kebangsaan sejajar dengan kehendak dan cita-cita negara untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan yang bermutu tinggi dan bertaraf dunia. Akta Pendidikan 1996 menampilkan kesinambungan kepada hasrat dan dasar pendidikan yang sedia ada. Akta ini berpaksi kepada perakuan-perakuan utama Penyata Razak 1956 yang menjadi asas dasar pendidikan kebangsaan. Akta baru ini juga banyak mengekalkan peruntukan yang masih relevan daripada Akta Pelajaran 1961. Tujuan pengubalan Akta Pendidikan 1996 adalah untuk memperluas skop dan memperkenalkan perundangan mengenai pendidikan.

Dasar Pendidikan Kebangsaan (DPK) (BPPDP, 2012) merupakan satu dokumen yang menggambarkan aspirasi kerajaan untuk menentukan hala tuju pendidikan negara. Dasar yang telah digubal akan menjadi teras serta sumber rujukan dalam setiap program yang akan dirancang dan dilaksanakan. Kejayaan sesuatu dasar amat bergantung kepada kefahaman dan komitmen pihak yang melaksanakan. Dasar yang dirangka sebenarnya merupakan kesinambungan daripada dasar sedia ada dan digabung dengan dasar baru agar sistem pendidikan negara ini selari dan relevan dengan sistem pendidikan dunia hari ini. Kepentingan pelaksanaan kokurikulum dijelaskan menerusi strategi pelaksanaan kokurikulum dalam DPK (Para 2.3.9) dengan menyatakan salah satu matlamat dasar pendidikan adalah untuk meningkatkan kecekapan sistem pengurusan kokurikulum di sekolah.

Garis panduan pula dirujuk sebagai cara atau peraturan yang terperinci bagi menjelaskan sesuatu tindakan dalam mengendalikan dan menyelesaikan tugas pentadbiran. Selain itu, garis panduan juga merupakan tatacara pentadbiran yang diwujudkan bagi memastikan kelancaran dalam pengurusan organisasi. Dengan adanya garis panduan yang lengkap akan membantu guru penasihat ke arah mencapai matlamat dan mampu menangani pelbagai permasalahan yang timbul. Garis Panduan sebenarnya merupakan cetusan daripada akta yang telah digubal, namun diperincikan ke dalam bentuk garis panduan berasingan atas matlamat melaksanakan sesuatu dasar yang telah dipersetujui.

Dalam konteks kajian ini, dokumen garis panduan pengurusan kokurikulum yang dikeluarkan oleh KPM (2009) menjadi asas panduan kepada penyelidik untuk mengenal pasti tahap kemahiran pengurusan guru penasihat di sekolah. Garis panduan pengurusan kokurikulum ini bukan sahaja menjadi rujukan kepada guru penasihat tetapi juga kepada pentadbir sekolah seperti Pengetua, Guru Penolong Kanan Kokurikulum, Setiausaha Kokurikulum dan seterusnya kepada ahli persatuan/kelab, unit beruniform, permainan dan sukan. Dokumen garis panduan ini berada di setiap sekolah rendah dan menengah di seluruh negara. Dokumen ini seharusnya dijadikan rujukan sepanjang masa terutama bagi guru-guru baharu supaya perjalanan aktiviti kokurikulum dapat dilakukan dengan betul dan tepat.

Surat Pekeliling merupakan surat-surat rasmi tentang sesuatu perkara yang diedarkan untuk pengetahuan dan rujukan umum. Surat Pekeliling dikeluarkan apabila sesuatu peraturan dipersetujui untuk dilaksanakan sebagai menggantikan akta kerana akta atau undang-undang hanya boleh digubal atau diubah suai menerusi proses yang panjang. Perintah undang-undang hanya akan terpakai apabila mendapat persetujuan di Parlimen. Sekiranya cadangan perintah undang-undang tersebut masih dibahaskan di Parlimen dan belum diluluskan, maka undang-undang ini disebut sebagai rang undang-undang.

### 1.10.3 Pengurusan Kokurikulum

Dalam konteks kajian ini, guru penasihat kokurikulum dirujuk sebagai pengurus aktiviti. Rahim Abdullah (1994) berpendapat bahawa seseorang yang mengerakkan matlamat sesuatu organisasi kepada kejayaan dengan menggunakan pelbagai sumber dikenali sebagai pengurus. Menurut Wan Zahid (1993) pengurusan dan kepimpinan merupakan dua permukaan pada sekeping wang syiling yang wujud di dalamnya satu simpulan jalinan yang akrab dan padu. Pengurusan berkualiti adalah cerminan kepimpinan yang cemerlang. Oleh itu, kepimpinan dan pengurusan berkualiti adalah penting untuk menjadikan sesebuah organisasi mencapai objektifnya terutama dalam konteks pendidikan. Pengurusan dalam pendidikan tidak boleh menemukan kegagalan kerana melibatkan murid yang akan meneruskan kehidupan pada masa hadapan.

Bateman dan Snell (1996) menegaskan bahawa ciri-ciri yang ada pada pengurus dan organisasi yang baik adalah sentiasa berinovasi, memberi tumpuan kepada perincian tugas, mempunyai matlamat yang mencabar, sentiasa membuat penambahbaikan, kepimpinan yang baik, pekerja yang bermotivasi, mengetahui keperluan pelanggan dan sentiasa berkeinginan untuk belajar. Sementara Mintzberg (1980) menjelaskan amalan pengurusan yang baik adalah merujuk kepada aktiviti dan peranan yang dijalankan secara tekal dan konsisten serta berterusan. Shuib Dahaban (2006) berpendapat pengurusan guru mestilah mencakupi misi yang ditetapkan, memiliki pemikiran yang tinggi, beretika, pencetus perubahan, sensitif dan berani menanggung sebarang risiko yang mendatang.

Hal ini bermakna pengurusan merujuk kepada hasil sesuatu perkara yang dilakukan dan menjadi ukuran terhadap pencapaian. Edmonds (1979), memberikan gambaran bahawa pencapaian yang dimaksudkan tidak sahaja merujuk kepada kualiti hasil kerja tetapi juga dari segi kesaksamaan (equity). Oleh itu, dalam kajian ini, penyelidik mengukur tahap kemahiran pengurusan kokurikulum yang dilaksanakan oleh guru penasihat adalah menerusi instrumen soal selidik yang diedarkan kepada guru-guru terbabit.

#### 1.10.4 Aktiviti Kokurikulum

Aktiviti kokurikulum dikenali sebagai kegiatan kumpulan dan dihuraikan sebagai apa-apa kegiatan yang dirancang lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam bilik darjah (Warta Kerajaan No. 5652, Jilid 11/Bil. 27). Kamus Dewan edisi ke-4 (2005) menjelaskan kokurikulum adalah kegiatan atau aktiviti selain mata pelajaran yang diajarkan dalam bilik darjah tetapi dianggap sebagai sebahagian daripada kursus pendidikan murid di sekolah. Ramlan Abdul Wahab (2002) pula berpendapat bahawa aktiviti kokurikulum merupakan pembelajaran tidak formal yang berteraskan keperluan murid yang mengalami sendiri aktiviti kependidikan dalam situasi sebenar.

Dalam konteks pendidikan hari ini, kokurikulum dan kurikulum adalah saling mencakupi dan melengkapi. Pelbagai langkah telah dijalankan oleh pihak tertentu supaya aktiviti kokurikulum tidak dipandang remeh (Shafinaz Kamarudin, 2008; Yasmin Othman, 2009). Pengurusan dalam menjalankan aktiviti kokurikulum sangat penting bagi menjamin matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan tercapai dan mampu melahirkan murid yang mempunyai sahsiah tinggi dan menghayati nilai hidup berasaskan prinsip-prinsip Rukun Negara (SPI. Bil. 1/1985). Kokurikulum merupakan gerak kerja terancang yang memberi peluang kepada murid untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai yang telah dipelajari dalam bilik darjah (SPI. Bil. 4/1995).

Abdullah Sani (2005), menyatakan aktiviti kokurikulum sebagai sebahagian kurikulum formal yang merangkumi aktiviti persatuan, kelab, permainan dan sukan serta unit beruniform yang dilaksanakan di luar bilik darjah. Wee Eng Hoe (1996) pula beranggapan bahawa aktiviti kokurikulum adalah aktiviti yang masih bersifat pendidikan yang dilaksanakan sama ada di dalam atau di luar sekolah tanpa mengabaikan aspek kurikulum. Sementara Mohd Sofian, *et. al.* (2002) menjelaskan bahawa aktiviti kokurikulum sebagai bidang pembelajaran yang berasaskan gerak kerja di luar bilik darjah yang dilaksanakan secara terancang. Justeru, murid yang terlibat dalam aktiviti kokurikulum dan mempunyai minat yang mendalam serta bermotivasi lazimnya terhasil daripada pengajaran guru yang aktif dan menarik (Julismah Jani, 2010).

Justeru dalam konteks kajian ini, penyelidik merumuskan kokurikulum sebagai aktiviti merangkumi persatuan, kelab, sukan, permainan dan unit beruniform yang dilaksanakan oleh guru sekolah di luar waktu pengajaran dan pembelajaran.

#### **1.10.5 Guru Penasihat Kokurikulum**


Guru penasihat kokurikulum merujuk kepada individu yang telah dilantik menjawat jawatan sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) ataupun Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah (PPPBS) dan berkhidmat di sekolah-sekolah bantuan kerajaan atau sekolah persendirian dalam Kementerian Pendidikan Malaysia. Pelantikan sebagai guru penasihat kokurikulum ini dilakukan oleh ketua pentadbir sekolah iaitu Pengetua atau Guru Besar.

Tugas hakiki seorang guru di sekolah adalah mendidik dan membimbing murid sama ada dalam bidang kurikulum mahupun kokurikulum. Oleh itu, guru yang dilantik oleh pengetua untuk mengurus mana-mana kelab, persatuan, permainan, sukan dan unit beruniform adalah bertanggungjawab dan wajib melaksanakan pengurusan kokurikulum dengan baik. Tanggungjawab guru ini tertakluk kepada setiap prosedur pelaksanaan yang telah termaktub dalam Buku Panduan Pengurusan Kokurikulum (KPM, 2009). Laporan Jemaah Nazir Sekolah (2000) menjelaskan bahawa guru yang berkualiti akan sentiasa membentuk akhlak murid dan membuktikan peningkatan prestasi akademik serta kokurikulum mereka.

Guru penasihat kokurikulum yang dirujuk dalam kajian ini adalah mereka yang dilantik oleh pengetua dan bertanggungjawab melaksanakan pengurusan kokurikulum dari semasa ke semasa mengikut peraturan pendidikan yang disediakan (Peraturan Pendidikan [Persatuan Sekolah] 1998). Walaupun kedudukan guru penasihat adalah yang terakhir dalam hierarki carta organisasi pengurusan kokurikulum sekolah menengah (Rajah 1.3) namun, kecemerlangan seseorang murid dalam bidang ini sangat dipengaruhi oleh kejayaan guru penasihat dalam melaksanakan tugas pengurusan mereka. Hal ini diperakui oleh Graham Donaldson (2008) dengan menyatakan bahawa kejayaan sesebuah organisasi adalah menerusi kekuatan pemimpin atau pengurus daripada setiap lapisan pimpinan mereka. Beliau



juga menjelaskan bahawa guru adalah pemimpin pembelajaran (leaders of learning) dalam pembangunan pendidikan.



**Rajah 1.3:** Carta Organisasi Pengurusan Kokurikulum Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

(Sumber: Buku Panduan Pengurusan Kokurikulum, KPM, 2009)

Bateman dan Snell (1996) menyatakan bahawa peranan guru penasihat kokurikulum adalah sama seperti pengurus pada peringkat terakhir iaitu peringkat yang menjalankan operasi. Mereka terlibat secara langsung dalam mengurus dan melaksanakan rancangan khas yang telah dibangunkan oleh pihak pengurus atasan sekolah iaitu Pengetua dan Guru Penolong Kanan.

### **1.11 Penyusunan Tesis**

Penulisan tesis ini mengandungi lima bab keseluruhannya. Dalam Bab 1, penyelidik memperkenalkan topik kajian, menerangkan latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual, kepentingan kajian, skop kajian, definisi istilah dan operasional, dan penyusunan tesis. Kemudian, dalam Bab 2 akan menerangkan tinjauan literatur yang merangkumi *TQM* dalam pendidikan, penilaian inovasi pendidikan, prinsip pelaksanaan aktiviti kokurikulum, konsep dan model kualiti pengurusan. Diikuti pula dengan menerangkan pengurusan dokumen polisi dan dapatan kajian daripada penyelidik dalam dan luar negara berhubung pengurusan kokurikulum sekolah.

Bab 3 pula menerangkan metodologi kajian. Bab ini menjelaskan reka bentuk kajian, metod analisis kajian, populasi dan sampel kajian, alat ukur kajian dan kesahan instrumen kajian. Seterusnya bab ini juga menerangkan proses menjalankan kajian rintis, menjelaskan hubungan pembolehubah moderator dan tatacara pengedaran dan pemerolehan data. Manakala Bab 4 membentangkan analisis data dan dapatan kajian yang merangkumi analisis kuantitatif. Bab 5 merupakan bab terakhir dalam tesis ini. Bab ini merangkumi, perbincangan hasil dapatan, analisis kekuatan dan kelemahan pengurusan kokurikulum, rumusan dapatan, implikasi dapatan kajian, cadangan pelaksanaan pengurusan kokurikulum, dan cadangan kajian lanjutan.

### **1.12 Rumusan**

Sekolah merupakan medan yang paling hadapan dalam perjuangan membentuk modal insan dan masyarakat cemerlang. Generasi muda yang mendapat pendidikan di sekolah seharusnya keluar sebagai generasi yang berkualiti kerana murid yang berkualiti dilahirkan oleh guru yang berkualiti. Guru berkualiti adalah guru yang dapat melaksanakan wawasan negara secara terancang. Tanggungjawab yang dipikul bukan sahaja terbatas kepada bidang kurikulum tetapi juga kegiatan

kokurikulum. Semua warga pendidik mengetahui bahawa kegiatan kokurikulum telah menjadi aktiviti yang wajib dilaksanakan di semua sekolah di negara ini.

Untuk menyeimbangkan potensi murid dalam kedua-dua bidang kurikulum dan kokurikulum, guru penasihat kokurikulum mengambil peranan merealisasikan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada mereka. Bagi menjayakan usaha ini, maka dokumen garis panduan pengurusan kokurikulum yang sedia ada menjadi pandu arah yang sangat penting kepada guru. Sejauhmana dasar ini berkesan dilaksanakan adalah bergantung pada kefahaman, pengetahuan dan keupayaan melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan.

Oleh itu, bab ini merupakan mukadimah kepada tajuk kajian dan menjelaskan tujuan sebenar kajian dijalankan oleh penyelidik. Pada bab seterusnya, akan membincangkan tinjauan literatur daripada pelbagai prinsip, model, konsep dan dapatan kajian daripada pengkaji-pengkaji terdahulu. Kemudian, penyelidik akan menerangkan jurang (gap) yang terdapat dalam melaksanakan tugas pengurusan dan menghubungkannya dengan keperluan kajian ini dijalankan.

## RUJUKAN

- Ab. Alim Abdul Rahim (1999). *Pengurusan Kokurikulum dan Badan Beruniform*. Kuala Lumpur, Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ab. Alim Abdul Rahim (1999). *Pengurusan Gerak Kerja Kokurikulum*. Selangor: Oxford Sdn. Bhd.
- Abu Bakar Mohd Hussain (2007). *Kedudukan Kokurikulum di Sekolah-sekolah: Persepsi Guru dan Pelajar*. Kertas Projek. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abu Bakar Nordin (1987) *Asas Penilaian Dalam Pendidikan*. Siri Maktab Perguruan.
- Abdul Halim Abdul Malik (2005). *Faktor Penghalang Pengurusan Kokurikulum Sekolah di Melaka*. Kertas Projek. Universiti Malaya.
- Abdul Jalil Othman (2007). *Quality Teacher For Today And Tomorrow*, Dept. of Language and Literacy, Education, University Malaya. Issues in Education, Jilid 30 (2), pg 169-172.
- Abdul Shukur Shaari (2003). *Hubungan Motivasi, Keupayaan Mengajar dan Komitmen Kerja Dengan Prestasi Kerja Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Utara Malaysia.
- Abdul Shukur Shaari (2008). *Guru Berkesan: Petua dan Panduan*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Abdullah Sani Yahya (2003). *Mengurus Sekolah*. Pahang: PTS Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Sani Yahya (2005). *Mengurus Disiplin Sekolah*. Pahang: PTS Publishing Sdn. Bhd.
- Abu Bakar Nordin dan Ikhsan Othman (2003). *Falsafah Pendidikan dan Kurikulum*. Perak: Quantum Books.
- Ahmad Isa & Hisham Jamaludin (2010). *Peranan Kokurikulum di Universiti Dalam Membentuk Keterampilan Mahasiswa*. Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia.

- Alimuddin Mohd Dom (2006). *Kepimpinan Instructional Peranan Pengetua Dan Guru Besar Dalam Meningkatkan Kualiti Pengajaran Dan Pembelajaran Di Bilik Darjah*. Jemaah Nazir Sekolah. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ang Kean Koo (2007) *Kompetensi Setiausaha Sukan Dan Amalan Pengurusan Risiko Dan Keselamatan Program Sukan Sekolah Menengah di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia.
- Anuar Din (2008). Pengurusan Kokurikulum Dan Hubungannya Dengan Penyertaan Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan*. Julai 2008, ms.54-56.
- Arcaro, J. (1995). *Quality In Education: An Implementation Handbook*. Florida: St. Lucie Press.
- Arfah Hanum Anuar. (2007). *Pengukuran Kualiti Pengajaran Guru Prinsip Akaun Berasaskan ASSETBase versi 2.0*. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tesis Sarjana Pendidikan (Perakaunan).
- Ary, D. Jacobs, L.C. & Razavieh, A. (2010). *Introduction to Research in Education*. Wadsworth, CA: Cengage Learning.
- Asariah Mior Shahrudin (2009). <http://mforum2.cari.com.my/archiver/?tid-418848-page-2html>
- Asmee Hj. Tajuddin (1996). Ke Arah Pendidikan Yang Berkesan. *Jurnal Akademik*. Kedah: Maktab Perguruan Sultan Abdul Halim.
- Astin, A. W. (1985) *Achieving Education Excellence: A Critical Assessment of Priorities and Practices in Higher Education*. San Francisco: Jossey Bass.
- Astin, A. W. (1999). Student Involvement: A Development Theory for higher Education. *Journal of College Student Development*, 40 (5), pg. 518-529.
- Azlin Norhaini Mansor. (2006). *Amalan Pengurusan Pengetua Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizah Nordin (1990). Kokurikulum dan Sumbangan Terhadap Perkembangan Diri Individu Secara menyeluruh. *Jurnal Pendidikan Guru*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Azizi Yahaya, Yusof Boon, Sahrin Hashim, Jamaludin Ramli & Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan*. PTS Profesional Publication.
- Bagozzi, R.P. (1994). Measurement In Marketing Research: Basic Principles Of Questionnaire Design, dalam Bagossi R.P. (ed). *Principles Of Marketing Research*. Blackwell Business: United Kingdom.

- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (2006). *Laporan Kajian Pelaksanaan Program Pemulihan Khas di sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: BBPDP.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (2012). *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Cetakan ke-3, Terbitan Giga Wise Network Sdn. Bhd, Kuala Lumpur.
- Baharudin Hassan (2005). Persediaan Awal Guru Melaksanakan Aktiviti Kokurikulum Sekolah. *Prosiding Seminar Pendidikan*, IPBA, ms. 120-129.
- Ballantine, R. (1981). *What Research Says: About The Correlation Between Athletic Participation And Academic Achievement*. ERIC Document Reproduction service No. ED 233994.
- Bambeger, M., Rugh, J. & Mabry, L. (2006). *Real World Evaluation: Working Under Budget, Time, Data and Political Constraints*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Barajas, M., Scheuermann, F. & Kikis, K. (2002). Critical Indicator of Innovative Practices in ICT – Supported Learning. *PROMETEUS Conference, Paris. 29-30 September*.
- Barbara M. Byrne (2001). *Structural Equation Modeling With AMOS Basic Concepts, Applications and Programming*. Lawrence Erlbaum Associates, New Jersey 07430. ISSN 0-8058-3322-6.
- Baron, R. & Kenny, D. (1986). The Moderator-Mediator Variable Distinction in Social Psychological Research: Conceptual, Strategic and Statistical Considerations. *Journal of Personality and Social Psychology*, 51 (6). Pg. 1173-82.
- Bateman, T.S. & Snell, S.A. (1996). *Manangement Building Competitive Advantage*. 3<sup>rd</sup> edition. Chicago: Times Mirror Higher Education Group.
- Bentler, P.M. (1990). Comparative Fit Indexes in Structural Models. *Psychological Bulletin*, 107 (2), pg. 238-246.
- Bitner, M. J. (1990). Evaluating Service Encounters: The Effect Of Physical Surroundings And Employee Responses. *Journal of Marketing*, 54 (April), pg. 69-82.
- Bitner, M.J., Franda, W.T., Hubbert, A.R., & Zeithaml, V.A. (1997). Customer Contributions And Roles In Service Delivery. *International Journal of Service Industry Management*, 8 (3), pg. 193-205.

- Blatner, A. (2004). *Psychodrama*. In R.J. Corsini & D. Wedding (eds.), *Current Psychotherapies*. 7<sup>th</sup> ed. Wadsworth Press.
- Bonham, A. L. (1998). Learning Style Use: In Need Of Perspective. *Lifelong Learning*. 11 (5), pg. 14-17.
- Bonstingl, John Jay (2001). *School of Quality*. 3<sup>rd</sup> ed. California: Corwin Press Inc.
- Borich, G.D. (1996). *Effective Teaching Methods*. 3<sup>rd</sup> ed. Englewood Cliffs: Prentice Hall.
- Brophy, J. (1986). *Advances In Research On Teaching*. Greenwich: JAI Press.
- Brown, W.S., Fisk, R.P., & Bitner, M.J. (1994). The Development And Emergence Of Service Marketing Thought. *International Journal of Service Industry Management*, 5(1), pg. 21-48.
- Bryman, A. (2008). *Social Research Methods*. 8<sup>th</sup> ed. Oxford University Press.
- Bucher, C.A. (1979). *Administrations Of Physical Education And Athletic Programs*. New York: The CV Mosby Company. Terjemahan. ms. 150-152.
- Carroll, J. (1963). A Model of School Learning. *Teacher College Record*, pg. 64-73.
- Carroll, J. (1989). The Carroll Model: A 25 Years Retrospective And Prospective View. *Educational Researcher*, pg. 26-30.
- CERID (2004). *Status of Cocurriculum and Extra Curricular Activities in Primary School of Nepal: Problem and Prospects*. Tribhuvan University of Nepal.
- Chamber, E. A., & Schreiber, J. B. (2004). Girls' Academic Achievement: Varying Associations of Extracurricular Activities. *Gender and Education*, 16 (3), pg. 327-346.
- Chen, C.N. & Ting, S.C. (2002). A Study Using The Grey System Theory to Evaluate The Importance of Various Service Quality Factors. *International Journal of Quality and Reliability Management*, 19(7), pg. 838-861.
- Cheng, Y.C. & Tam, M.M. (1997). Multi-Models of Quality In Education. *Quality Assurance In Education*, 5, pg. 22-31.
- Chua Yan Piaw (2006a). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Sdn. Bhd.
- Chua Yan Piaw (2006b). *Asas Statistik Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Sdn. Bhd. Version 2.0, 2<sup>nd</sup> ed., John Wiley & Sons, Inc.
- Chua. Yan Piaw (2009). *Statistik Penyelidikan Lanjutan Ujian Regresi, Analisis Faktor dan Analisis SEM*. Kuala Lumpur. Mc Graw Hill Education.
- Chickering, A. (1969). *Education and Identity*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.

- Chi-Hung L., Chi Wing R. Ng & Po On Ella C. (2011). Can Co-curricular Activities Enhance the Learning Effectiveness of Student?: An Application to the Sub-degree Student in Hong Kong. *International Journal of Teaching and learning in Higher Education*. Volume 23, No. 3, pg. 329-341. ISSN 1812-9129.
- Coffey, A. (2001). *Education And Social Change*. Open University Press.
- Connel, M.L. & Johnson, D.L. (2004). The view from outside: 2000-2003 dalam Wentworth, N., Earle, R. & Connel, M.L. (pnyt.) *Integrating Information Technology into The Teacher Education Curriculum: Process and Products of Change*. Pg. 166-184. Canada: Haworth Press, Inc.
- Cox, A.E., Smith, A.L., & Williams, L. (2008). The Roles of Perceived Teacher Support, Motivational Climate, And Psychological Need Satisfaction In Students' Physical Education Motivation. *Journal of Sports & Exercise Psychology*, 30, pg. 222-239.
- Creswell, J.W. (2005). *Educational Research, Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative*. 2<sup>nd</sup> ed. New Jersey: Pearson Merrill Prentice Hall.
- Creswell J.W. & Plano Clark, V.L. (2007). *Designing and Conducting Mixed Methods Research*. Thousand Oaks: Sage
- Dear, J.D. (1995). Creating Caring Relationships to Foster Academic Excellence. *Kertas Laporan Suruhanjaya Pentaauliahan Guru di California, USA*.
- Deci, E.L. & Ryan, R.M. (1985). *Intrinsic Motivation And Self-Determination In Human Behaviour*. New York: Plenum Press.
- Deming, W.E. (1982a). *Quality, Productivity And Competitive Position*. Cambridge : MIT Press.
- Deming, W.E. (1982b). *Out of Crisis*. London : Cambridge University Press.
- Deming, W.E. (2000). *Out of The Crisis*. Cambridge: MIT Press.
- Edmonds, R. (1979). Effective Schools For The Urban Poor. *Educational Leadership* 37, pg.15-18.
- Education – Making A Vision Come True. *The Star.*, 8 Mei 2011, pg. E2-3.
- Faizah Ghazali (2008). *Faktor Kualiti Perkhidmatan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Malaysia Dan Kaitannya Dengan Kepuasan Konsumer*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia.



- Finn, Jeremy D. (1993). *School Engagement and Students at Risk*. State University of New York at Buffalo, Department of Education, National Center for Education Statistics (ERIC), Document Reproduction Service No. 322-362.
- Fitzpatrick, J.L., Sanders, J.R. & Worthen, B.R. (2004). *Program Evaluation: Alternative Approaches and Practical Guidelines*. 3<sup>rd</sup> ed. New York: Pearson Education Inc.
